



JABATAN KEMAJUAN ISLAM MALAYSIA

TEKS KHUTBAH

Tajuk:

HIDUP BERSYUKUR, MASA DEPAN TERATUR

Tarikh Dibaca:

**25 JAMADILAKHIR 1446H /
27 DISEMBER 2024**

Disediakan oleh:

Jabatan Kemajuan Islam Malaysia



إِذَا قُلْتُمْ فَاسْتَشِيرُوا الشَّيْخَافَ
JABATAN KEMAJUAN ISLAM MALAYSIA

HIDUP BERSYUKUR, MASA DEPAN TERATUR

27 DISEMBER 2024 / 25 JAMADILAKHIR 1446H

الْحَمْدُ لِلَّهِ الْقَائِلِ:

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا اتَّقُوا اللَّهَ وَلْتَنْظُرْ نَفْسٌ مَّا قَدَّمَتْ لِغَدٍ^ط وَاتَّقُوا اللَّهَ إِنَّ اللَّهَ خَبِيرٌ بِمَا

تَعْمَلُونَ ۝ (سورة الحشر)

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ

وَسَلِّمْ عَلَى نَبِيِّنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَمَنْ دَعَا بِدَعْوَتِهِ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ

اللَّهُ، اتَّقُوا اللَّهَ، أَوْصِيكُمْ وَنَفْسِي بِتَقْوَى اللَّهِ وَطَاعَتِهِ لَعَلَّكُمْ تُفْلِحُونَ.

SIDANG JEMAAH YANG DIRAHMATI ALLAH,

Bertakwalah kepada Allah SWT dengan melaksanakan segala perintah-Nya dan meninggalkan segala larangan-Nya. Perbanyakkan berselawat ke atas Nabi Muhammad SAW. Mudah-mudahan kehidupan kita sentiasa dalam rahmat Allah SWT. Berikan sepenuh perhatian kepada khutbah yang akan disampaikan dan janganlah melakukan perkara-perkara yang *lagha* seperti berbual-bual dan bermain telefon bimbit. Mudah-mudahan khutbah ini akan memberi banyak pengajaran kepada kita semua.

Pada hari ini saya akan membicarakan khutbah bertajuk: “**Hidup Bersyukur, Masa Depan Teratur**”.

Sebelum itu juga, saya ingin menyeru kepada semua untuk terus mendoakan keselamatan dan perlindungan kepada penduduk Palestin yang masih lagi ditindas oleh

rejim zionis Israel *laknatullahi 'alaihim*. Sesungguhnya hanya Allah SWT jua yang Maha Berkuasa memberi pertolongan kepada mereka.

SIDANG JEMAAH YANG DIKASIHI SEKALIAN,

Tahun 2024 hampir melabuhkan tirainya. Bermacam peristiwa suka dan duka telah kita lalui sepanjang tahun 2024. Nikmat yang kita terima, ujian yang kita hadapi merupakan sebahagian fitrah dan rencam hidup yang dilalui oleh setiap orang. Hanya sanya cara dan sikap kita menguruskannya itulah yang menjadikannya nikmat dan ujian itu bermanfaat kembali kepada diri kita sendiri. Nikmat yang diberi oleh Allah bertujuan melihat sama ada kita bersyukur atau sebaliknya. Manakala ujian yang dihampar kepada kita bertujuan menguji keimanan, kebijaksanaan serta keteguhan semangat kita dalam menghadapi dan mengatasinya.

Segala macam ujian hidup, akan menzahirkan keadaan sebenar seseorang manusia sebagaimana dinyatakan oleh Allah SWT melalui firman-Nya dalam Surah al-Mulk ayat 2:

الَّذِي خَلَقَ الْمَوْتَ وَالْحَيَاةَ لِيَبْلُوَكُمْ أَيُّكُمْ أَحْسَنُ عَمَلًا ۚ وَهُوَ الْعَزِيزُ الْغَفُورُ

Maksudnya: “Dia lah yang telah mentakdirkan adanya mati dan hidup (kamu) - untuk menguji dan menzahirkan keadaan kamu: siapakah antara kamu yang lebih baik amalnya; dan Dia Maha Kuasa (membalas amal kamu), lagi Maha Pengampun, (bagi orang-orang yang bertaubat)”.

Perkara terpenting bagi kita umat Islam ialah dengan kehidupan ini kita merenung jauh tentang persiapan menuju kehidupan abadi di akhirat kelak. Tentang pelaksanaan kewajipan sebagai umat Islam, persiapan amal, hubungan kita dengan Allah SWT, juga hubungan sesama manusia semasa hidup di dunia ini.

Nabi SAW bersabda :

الْكَيِّسُ مَنْ دَانَ نَفْسَهُ وَعَمِلَ لِمَا بَعْدَ الْمَوْتِ وَالْعَاجِزُ مَنْ أَتْبَعَ نَفْسَهُ هَوَاهَا وَتَمَنَّى عَلَى

اللَّهِ

Maksudnya: “Orang yang cerdas (yang berakal) ialah orang yang mempersiapkan dirinya dan beramal untuk hari setelah kematian, manakala orang yang lemah (imannya) ialah

orang yang jiwanya mengikuti hawa nafsunya dan berangan-angan kepada Allah SWT (bahawa Allah akan mengampuninya)". (Hadis riwayat Imam at-Tirmidzi)

SIDANG JEMAAH YANG DIKASIHI SEKALIAN,

Islam menuntut umatnya untuk sentiasa mempersiapkan masa depan yang lebih baik dalam pelbagai ruang lingkup kehidupan, termasuk aspek spiritual, moral, intelektual, dan material. Persiapan ini selaras dengan ajaran al-Quran dan hadis yang menekankan pentingnya berusaha, beramal soleh, dan menjaga amanah Allah SWT.

Tahun-tahun yang mendatang pastinya memiliki cabarannya yang tersendiri. Allah SWT mengingatkan kita supaya merancang dengan baik masa depan kita termasuklah persediaan menuju alam akhirat. Firman Allah SWT dalam Surah al-Hasyr ayat 18 yang saya bacakan pada awal khutbah tadi yang bermaksud:

"Wahai orang-orang yang beriman! Bertakwalah kepada Allah (dengan mengerjakan suruhan-Nya dan meninggalkan larangan-Nya); dan hendaklah tiap-tiap diri melihat dan memerhatikan apa yang dia telah sediakan (dari amal-amalnya) untuk hari esok (hari akhirat). Dan (sekali lagi diingatkan): Bertakwalah kepada Allah, sesungguhnya Allah Amat Meliputi Pengetahuan-Nya akan segala yang kamu kerjakan".

Perancangan masa depan ini pastinya perlu diiringi dengan usaha dan tindakan yang berterusan. Tanpa ada usaha, maka dari mana datangnya hasil yang baik dan diharapkan?

Setelah kita berusaha, hendaknya kita bertawakal (menyerahkan) kepada Allah SWT urusannya kerana Allah SWT jualah sebaik-baik tempat kita berserah. Konsep tawakal ini juga dapat kita rujuk berdasarkan hadis yang diriwayatkan oleh Ibnu Hibban dalam *Sahihnya* bahawa seorang lelaki berkata kepada Nabi SAW: "Aku lepaskan unta aku dan aku bertawakal?" Baginda menjawab: *"Ikatlah unta itu dan bertawakallah"*. **(Sahih Ibn Hibban)**

SIDANG JEMAAH YANG DIKASIHI SEKALIAN,

Saban tahun, menjelang tahun baharu, pelbagai majlis keraian dibuat bagi menyambut ketibaan tahun baharu. Namun, dalam pada kita meraikan tahun baharu, jangan pula ia

menjadi sebab kepada mengundang kemurkaan Allah SWT dengan adanya pesta-pesta yang bercampur bebas antara lelaki dan wanita, terdedahnya aurat, nyanyian yang melalaikan dan sebagainya. Sebaiknya, biarlah kita isikannya dengan bermunajat kepada Allah SWT, atau bermuhasabah dan bertaubat kepada Allah, atau boleh menghadiri majlis-majlis ilmu yang akhirnya mendatangkan rasa syukur, takut kepada Allah SWT serta meningkatkan iman dan takwa dalam diri kita.

Maka, sebagai usaha untuk memastikan pengisian malam tahun baharu benar-benar bermanfaat kepada seluruh masyarakat, maka Jabatan kemajuan Islam Malaysia akan menganjurkan Program Gema Syukur 2025 yang diadakan di Masjid Putra, Putrajaya pada 31 Disember 2024 bermula jam 6:00 petang. Kita isikan malam itu dengan bacaan Yasin, zikir dan doa selamat, tadabbur al-Quran, qiamullail, tausiah Subuh dan banyak lagi aktiviti yang bermanfaat untuk semua.

Semoga dengan usaha ini ia akan meningkatkan lagi rasa kesyukuran, keimanan dan mendekatkan lagi kita kepada Allah SWT.

Justeru mengakhiri khutbah pada hari ini, saya tinggalkan saudaraku sekalian dengan beberapa pesanan;

Pertama: Sentiasa bersyukur atas segala nikmat yang diberikan dan bersabar atas segala ujian yang dihadapi.

Kedua: Persiapkanlah diri dan keluarga kita dengan persediaan yang baik sama ada dari sudut material, intelektual dan terlebih lagi kefahaman dalam agama dan keimanan kepada Allah SWT dalam menuju kehidupan akhirat yang abadi.

Ketiga: Jauhilah perkara-perkara yang boleh mendatangkan kemurkaan Allah SWT dan sentiasa saling mengingatkan antara satu sama lain. Semoga ia menjadi *asbab* kepada turunnya berkat dan rahmat dari Allah SWT kepada kita semua dalam menghadapi tahun-tahun yang mendatang. *Insyaa-Allah*.

Renungkan firman Allah SWT dalam Surah al-A'raaf ayat 96:

وَلَوْ أَنَّ أَهْلَ الْقُرَىٰ آمَنُوا وَاتَّقَوْا لَفَتَحْنَا عَلَيْهِم بَرَكَاتٍ مِّنَ السَّمَاءِ وَالْأَرْضِ وَلَٰكِن كَذَّبُوا فَأَخَذْنَاهُم بِمَا كَانُوا يَكْسِبُونَ^{٩٦}

Maksudnya: “Dan (Tuhan berfirman lagi): Sekiranya penduduk negeri itu, beriman serta bertakwa, tentulah Kami akan membuka kepada mereka (pintu pengurniaan) yang melimpah-limpah berkatnya, dari langit dan bumi. Tetapi mereka mendustakan (Rasul Kami), lalu Kami timpakan mereka dengan azab seksa disebabkan apa yang mereka telah usahakan”.

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ بِالْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ،
وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي
وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ،
فَأَسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.

KHUTBAH KEDUA

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ النَّبِيِّ الْأَمِينِ، وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ الطَّاهِرِينَ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدَهُ وَرَسُولَهُ.

أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ أَوْصِيكُمْ وَنَفْسِي بِتَقْوَى اللَّهِ وَطَاعَتِهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.

SIDANG JEMAAH YANG DIKASIHI SEKALIAN,

Bertakwalah kepada Allah SWT dengan sebenar-benar takwa supaya kita mendapat keredhaan-Nya. Usaha Kerajaan dalam melaksanakan pelesenan bagi penyedia media sosial yang akan berkuat kuasa mulai 1 Januari 2025 merupakan salah satu langkah penting untuk mencipta ekosistem dan persekitaran dunia media sosial yang lebih selamat dan berlandaskan prinsip dan undang-undang yang lebih adil. Ia juga langkah proaktif Kerajaan dalam memastikan platform media sosial melindungi kepentingan rakyat dan tidak mudah dipermainkan oleh pihak tidak bertanggungjawab yang mengambil keuntungan atas kesusahan orang lain seperti judi dan penipuan (scammer). Usaha ini juga sejajar dengan tuntutan Islam yang menuntut kepada keadilan, amanah dan kebaikan dalam setiap perkara. Semoga usaha ini mendapat keberkatan dari Allah SWT. *Insyaa-Allah.*

Pada hari yang mulia ini juga, marilah kita memperbanyakkan berselawat ke atas Nabi Muhammad SAW sebagaimana perintah Allah SWT dalam Surah al-Ahzab ayat 56:

إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا

٥٦

اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ كَمَا صَلَّيْتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ كَمَا بَارَكْتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ فِي الْعَالَمِينَ إِنَّكَ حَمِيدٌ مُجِيدٌ.

وَارْضَ اللَّهُمَّ عَنِ الْخُلَفَاءِ الرَّاشِدِينَ وَعَنْ بَقِيَّةِ الصَّحَابَةِ أَجْمَعِينَ، وَعَنْ التَّابِعِينَ وَتَابِعِي التَّابِعِينَ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ وَارْضَ عَنَّا مَعَهُمْ يَا أَكْرَمَ الْأَكْرَمِينَ.

اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ.
 اللَّهُمَّ أَيْدٍ بِدَوَامِ التَّوْفِيقِ وَالْهُدَايَةِ وَالصَّحَّةِ وَالسَّلَامَةِ جَلَالَةَ مَلِكِنَا كَبَاوَهُ دَوْلِي يَغْ مَا
 مَوْلَا سَرِي قُدُوكْ بِكَيْنْدَا يَغْ د-قُرْتَوَانِ اِكْخُوعْ سُلْطَانِ إِبْرَاهِيمِ.
 وَكَذَلِكَ كَبَاوَهُ دَوْلِي يَغْ مَا مَوْلَا سَرِي قُدُوكْ بِكَيْنْدَا رَاكِ قُرْمَالِيسُورِي اِكْخُوعْ، رَاكِ
 زَارِيثُ صُوفِيَاهُ.
 اللَّهُمَّ احْفَظْ عُلَمَاءَهُ وَوُزَرَائِهِ وَقُضَاتِهِ وَعُمَّالَهُ وَرِعَايَاهُ مِنَ الْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ بِرَحْمَتِكَ
 يَا أَرْحَمَ الرَّاحِمِينَ.
 اللَّهُمَّ اجْعَلْ بَلَدَنَا مَالِيزِيَا أَمِنًا مُطْمَئِنًّا، سَخَاءً رَخَاءً، دَارَ عَدْلٍ وَإِيمَانٍ، وَأَمْنٍ وَأَمَانٍ،
 وَسَائِرِ بِلَادِ الْمُسْلِمِينَ.
 اللَّهُمَّ أَعِزِّ الْإِسْلَامَ وَالْمُسْلِمِينَ، وَدَمِّرْ أَعْدَاءَكَ أَعْدَاءَ الدِّينِ وَانصُرْ مَنْ نَصَرَ الدِّينَ،
 وَاخْذُلْ مَنْ خَذَلَ الْمُسْلِمِينَ، وَأَعْلِ كَلِمَتَكَ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.

Ya Allah! Ampunilah segala dosa kami. Bantulah umat Islam yang tertindas di mana-mana
 jua terutamanya buat saudara kami di Palestin. Ya Allah! Berilah mereka kekuatan dan
 kemenangan dalam menghadapi musuh, Sesungguhnya hanya Engkau Yang Maha
 Berkuasa. Ya Allah! Perbaikilah segala urusan kami dan urusan-urusan yang memberi
 kebaikan kepada umat Islam. Satukanlah hati kami seluruh umat Islam dan singkirkanlah
 perpecahan yang timbul dalam kalangan kami. Ya Allah! Limpahkanlah rahmat-Mu ke atas
 kami dan jangan jadikan kami termasuk orang-orang yang terhalang dari nikmat-Mu. Ya
 Allah! Angkatlah dan jauhkan kami dari kemurkaan-Mu, marabahaya, bala bencana,
 kesengsaraan, kemarau, banjir, kezaliman, kesesatan, gempa bumi, angin ribut yang
 membinasa, kejahilan, baik yang nyata mahupun yang tersembunyi. Ya Allah! Bimbinglah
 kami ke jalan yang Engkau redhai. Hanya kepada-Mu jua Ya Allah, tempat kami mengadu
 dan memohon pertolongan.

رَبَّنَا آتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ.
 عِبَادَ اللَّهِ،

﴿إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَايَ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَىٰ عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ
يَعْظُمُ عَلَيْكُمْ تَذَكُّرُونَ ۝
فَاذْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرْكُمْ، وَاشْكُرُوا لَهُ عَلَىٰ نِعَمِهِ يَزِدْكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ
وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ، وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.﴾